

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [PANDAN]**

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk membantu golongan wanita terutamanya ibu tunggal yang berniaga secara kecil-kecilan pasca COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) tidak menyediakan dana secara langsung dalam membantu ibu tunggal yang berniaga. Namun begitu, JPW ada menganjurkan program dan kursus bagi meningkatkan kemahiran wanita dan penyertaan adalah terbuka kepada semua wanita serta tidak terhad kepada ibu tunggal sahaja.

Sebagai usaha berterusan membantu dan menyantuni golongan wanita dari pelbagai latar belakang dan sosiobudaya, JPW menggunakan pendekatan Model Pemerkasaan Wanita 4K iaitu Keseimbangan, Kesaksamaan dan Kepimpinan Kendiri, Kewangan dan Kemahiran ke arah mencapai kesejahteraan wanita.

- i) Keseimbangan bermaksud kestabilan emosi, kesihatan mental, kerohanian dan keperibadian positif. Contohnya pada tahun 2020,

JPW telah melaksanakan program Klinik De Stress yang telah berjaya menarik seramai 50,244 penyertaan melalui 61 program yang telah dilaksanakan di peringkat negeri. Selain itu, program Wanita Anti Jenayah (WAJA) juga turut dianjurkan yang bertujuan untuk membentuk keperibadian wanita agar sentiasa kental dari aspek mental dan fizikal serta meningkatkan kesedaran dalam menangani keganasan terhadap wanita. Sebanyak 60 siri program WAJA telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 63,300 orang;

- ii) Kesaksamaan dan Kepimpinan Kendiri iaitu keupayaan untuk mendapat manfaat yang adil dari aspek keperluan berbanding kesamarataan yang tidak bersifat substantif. JPW telah melaksanakan program seperti Klinik Undang-Undang bagi memastikan wanita celik undang-undang serta mengetahui hak mereka. Program Klinik Undang-Undang telah menarik seramai 37,857 peserta melalui 48 program yang diadakan di peringkat negeri. Selain itu, aspek kepimpinan sendiri turut diberi penekanan oleh Jabatan ini. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah program rintis wanita dan kepimpinan. Program ini turut melatih wanita dari pelbagai latar belakang sosiobudaya agar lebih berani dan berketerampilan dalam mendepani cabaran semasa. Mereka turut dilatih untuk berfikiran kritis dan inovatif dalam usaha untuk melahirkan pemimpin yang rasional tanpa dipengaruhi oleh emosi;
- iii) Kewangan adalah perantara yang menyumbang kepada kesejahteraan sosial. Dalam aspek ini, golongan wanita didedahkan dengan ilmu berkaitan pengurusan kewangan melalui kursus literasi kewangan yang dianjurkan oleh Jabatan ini; dan
- iv) Kemahiran asas yang boleh digunakan sebagai aset nilai dan keupayaan membangunkan sosioekonomi diri. Di bawah elemen kemahiran ini, Program dan Aktiviti Cakna Bangun Ekonomi (PACBE) telah dirangka dan diguna pakai dalam melatih golongan wanita dengan kemahiran asas supaya wanita mampu berdaya saing dalam menjana pendapatan sendiri. Melalui PACBE, sebanyak 453 program telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 179,565 orang. Sekian, terima kasih.